


Adi cemerlang raih hatrik

ATLET lontar peluru negara, Adi Alifuddin Hussin (*gambar*) membuktikan kehebatannya sebagai pemenang pingat perak Sukan Sea Indonesia tahun lalu, apabila gah meraih hatrik di AUG 2012.

Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) itu melakukan lontaran sejauh 16.24 meter pada aksi final di Stadium Utama Kompleks Sukan Nasional, semalam.

Adi, 24 menewaskan lawan dari Thailand, Promros Juntima yang akur meraih pingat perak (15.77m) manakala peserta Indonesia, Permana Krisna Wahyu (14.87m), gangsa.

Bagaimanapun, Adi tidak berpuas hati dengan catatannya semalam yang dikatakan masih jauh untuk melepasi had kelayakan 17.53m (ka-



tegori A) ke Sukan Sea Myanmar.

“Sasaran saya di sini ialah untuk melepasi had kelayakan ke Sukan Sea tahun depan. Jika tidak kategori A sekalipun, sekurang-kurangnya layak untuk kategori B.

“Mungkin kerana terlalu yakin, saya gagal melakukannya,” kata pemegang rekod kebangsaan itu.

Selain Adi, empat lagi emas turut disumbang olahraga menerusi Raja Nursheena Raja Azhar (100m lari berpagar), Mohammad Rohaizad Jamil (110m lari berpagar), S Navin Raj (lompat tinggi) dan Ahmad Luth Hamizan (3000m berhalangan).

Skuad olahraga negara turut memenangi tiga pingat perak dan dua gangsa.